

MIC ugut boikot Perak jika tidak diberikan jawatan Speaker DUN
Malaysian Insider
Jun 8, 2013
OLEH CLARA CHOOI

KUALA LUMPUR, 8 Jun — MIC mengugut untuk menolak semua jawatan kerajaan di Perak di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dari Umno, jika jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) tidak diberikan kepada salah seorang pemimpin mereka.

Dalam satu kenyataan kepada media, Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel mengatakan partinya hanya akan kekal sebagai mesra Barisan Nasional (BN) di Perak akan tetapi tidak akan menerima sebarang jawatan ahli majlis mesyuarat negeri (Exco) di negeri dipimpin Umno itu.

Parti itu juga akan menolak pelantikan jawatan pegawai khas dan penasihat kepada Menteri Besar kata ahli Parlimen Cameron Highland itu.

"Apabila pembangkang mengetuai kerajaan negeri Perak, jawatan Speaker diberikan kepada orang India," katanya (gambar) apabila dihubungi oleh The Malaysian Insider hari ini.

Pembangkang memenangi Perak dalam Pilihan Raya 2008 dan memberikan jawatan Speaker DUN kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tronoh pada ketika itu V. Sivakumar dari DAP, orang India pertama dalam negeri Perak yang menjadi jawatan itu.

"Apabila BN kembali memerintah kerajaan negeri, MIC diberikan jawatan Speaker," tambah beliau merujuk kepada Pengerusi MIC Perak Datuk R. Ganesan.

"Sekarang kita telah dilucutkan jawatan itu," kata Palanivel. "Menteri Besar Perak seharusnya membuat keputusan untuk berikan semula kepada kita jawatan itu."

Pemimpin parti itu mengatakan jawatankuasa pusat MIC akan mengadakan mesyuarat pada 18 Jun untuk membincangkan perkara itu, termasuk dengan isu lain berkaitan dengan pemilihan parti akan datang.

Isu itu katanya dalam kenyataan, telah dibangkitkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Naib Presiden Umno Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang juga merupakan ahli Parlimen dari Perak.

BN mempertahankan kuasa di Perak bulan lepas dalam pertarungan sengit dengan Pakatan Rakyat (PR) dalam 15 hari waktu berkempen.

Semasa awal pagi pada 6 Mei, gabungan pemerintah itu diumumkan menang tipis oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan 31 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding PR yang mendapat 28.

Di Perak, MIC pada ketika ini hanya mempunyai satu kerusi Parlimen — Tapah — yang dimenangi oleh Naib Presiden Datuk M. Saravanan.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ic-ugut-boikot-kerajaan-perak-jika-tidak-diberikan-jawatan-speaker-dun/>